

Headline	Hijrah Muslim menuju kecemerlangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,039



Hijrah Muslim menuju kecemerlangan

Ceramah dakwah melalui pendekatan al-Quran dan Sains

Al-Quran adalah kalam ALLAH SWT dan mukjizat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW di mana ia ditulis dalam mushaf dan disampaikan secara mutawatir dengan umat Islam diperintahkan untuk membacanya.

Kitab suci itu adalah sumber rujukan penting kepada umat Islam kerana ia mengandungi undang-undang dan petunjuk bagi mereka dalam mengatur tujuan hidup dan kehidupan sejagat.

Untuk memastikan al-Quran sentiasa dijadikan panduan, bukti kekuasaan ALLAH SWT dan jalan penyelesaian segala permasalahan, setiap umat Islam perlu meyakini kebenaran kitab suci itu yang pastinya akan dijaga sehingga hari kiamat. Berlandaskan kepada perkara itu, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan menganjurkan 'Ceramah Sempena Sambutan Maal Hijrah 1433 Bersama Saudara Muslim' di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program tersebut memberi pendedahan, keyakinan dan kesedaran kepada saudara Muslim mengenai mukjizat agung iaitu al-Quran dan kandungannya dengan bukti-bukti kebenaran, pelaksanaan, ajaran, hukum-hakam, suruhan dan larangan.

Seramai 270 peserta terdiri daripada saudara Muslim berketurunan Cina, India, Iban, Kadazan, Filipina, Indonesia, Siam, Rohingya dan Nigeria sertai program tersebut.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Agung Kehormat Perkim, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Pengarah Dakwah Perkim, Abdul Hanif Harun.

KEBENARAN AL-QURAN

Penyelaras Program, Amran Abdullah berkata, sambutan Maal Hijrah itu merupakan kesinambungan dalam memperingati dan menghayati peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari kota Mekah ke Madinah sekali gus menyebarkan Islam di seluruh dunia.

Perjalanan hijrah Nabi Muhammad yang strategik hingga tercapainya kejayaan

Headline	Hijrah Muslim menuju kecemerlangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,039

Islam dan tertegaknya negara Islam yang utuh adalah disebabkan perpaduan iman dan takwa.

"Kejayaan hijrah ini juga mengubah akidah, ibadah, akhlak dan gaya hidup umat Islam ketika itu sehingga ke hari ini," katanya.

Program ceramah pada hari itu bertajuk "Memahami Erti Hijrah Melalui Pembangunan Manusia Berdasarkan Pendekatan al-Quran dan Sains" yang mana ia disampaikan Pensyarah Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Arip Kasmu.

Beliau berkata, modul Pemantapan Akidah Menerusi Penghayatan Sains Dalam Al-Quran (Pasak) digunakan dalam ceramah itu bagi meyakinkan saudara Muslim bahawa al-Quran adalah benar menerusi fenomena alam yang terdapat dalam ufuk dan diri peserta melalui ayat-ayat ALLAH yang manzuroh dan maqru'ah.

"Mukjizat al-Quran merupakan fenomena menakjubkan yang boleh dilihat dan dicerap semua orang terutama buat mereka yang mencari bukti kebenaran al-Quran serta kebenaran ajaran yang dibawa Nabi Muhammad SAW," katanya.

PESAT BERKEMBANG

Modul Pasak yang merangkumi cabang akidah iaitu uluhiyyah (ketuhanan), nubuwah (kenabian), sam'iyat (khabaran) dan ruhaniyyat (alam ghaib) adalah dalil naqli yang digunakan untuk membuktikan kebenaran al-Quran. Ia juga mampu menghasilkan kepatuhan kepada syariat yang diberikan ALLAH dan Rasul-Nya iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Al-Quran mengandungi lebih 750 ayat berkaitan dengan alam iaitu sejarah, botani (tumbuh-tumbuhan), meteorologi (cuaca), geologi (sains), kosmologi (alam semesta), anatomi (makhhluk hidup), oceanografi (lautan), embriologi (kejadian bayi) dan entomologi (serangga).

Melalui ayat tersebut, ALLAH menyuruh manusia memerhatikan alam sebagai dalil akan kewujudan-Nya serta yakin kepada-Nya sebagai Maha Pencipta.

Antara perkara yang didedahkan dalam kitab suci itu adalah mengenai kejadian alam semesta yang awal, bentuk asap, alam mengembang, kiamat, bunga mawar di angkasa, kejadian manusia dalam rahim ibu, penentuan jantina, tentang cap jari, fungsi kulit dan, fungsi otak

Dr Arip berkata, Islam semakin pesat berkembang di benua Eropah termasuk Itali, Sweden, Hungary, Russia, Perancis dan Jerman menerusi kefahaman dan

kebenaran kepada al-Quran.

Menurutnya, terdapat juga beberapa gereja terbiar di Eropah dijadikan masjid untuk beribadah seperti di Kent, Bristol, Morrision, Dublin, Didsbury, Brick Lane, Brent, New Peckham dan Sentral Wembley.

"Beberapa tokoh kenamaan Eropah seperti Yusuf Estes, Jamal Jaraboz, Abdul Raheem Green, Prof Dr Muhammad Al Mahdi, Gary Miller dan Joshua Evan memeluk Islam apabila membaca, memahami, menghayati dan mengkaji kandungan mukjizat al-Quran," katanya.

SISTEM NOMBOR

Dr Arip membuat perimbangan perkataan dalam al-Quran dengan menyenaraikan melalui indeks di kamus Quran seperti perkataan hari iaitu al-yaum dan yauma ($349+16=365$) bersamaan bilangan hari dalam setahun ialah 365 hari dan perkataan bulan iaitu as-syahru dan syahra ($10+2=12$) bersamaan bilangan bulan dalam setahun ialah 12 bulan.

Selain itu, beliau mengajak peserta membuat graf taburan melalui perisian Microsoft Excel dengan paksi X adalah nombor surah bermula surah 114 hingga surah 1 sekiranya asalnya adalah di sebelah kanan dengan surah pertama adalah surah Al-Fatihah.

Paksi Y adalah bilangan ayat, daripada An-Nas (6 ayat) kepada Al-Baqarah (286 ayat). Paksi Y adalah yang menegak dan paksi X pula mendarat. Sekiranya titik yang mewakili kedudukan surah dan bilangan ayat dicantumkan, kelihatan kalimah ALLAH terbentuk dan jika dicantumkan dengan cara yang lain, maka kalimah Muhammad pula terbentuk.

"Ketika al-Quran diturunkan 1400 tahun lalu, kertas graf dan sistem nombor masih belum wujud tetapi jelas dan terbukti kebenaran bahawa ia adalah suatu mukjizat Nabi Muhammad yang akan dijaga ALLAH hingga ke hari kiamat," katanya.

Dr Arip turut menunjukkan eksperimen nisbah emas iaitu kedudukan Makkah (pusat bumi) iaitu kiblat bagi umat Islam. Ia

terletak pada kedudukan nisbah emas iaitu nisbah yang diperolehi ialah 1.618.

"Dengan membuat satu garisan menegak lurus menggunakan peta, vertikal dari utara Kutub hingga ke Makkah, katakan garisan itu ialah A. Buat satu garisan lurus menegak vertikal dari Mekah ke kutub Selatan, namakan garisan ini B. Campurkan panjang A dengan panjang B dan bahagikan dengan A $(A+B)/A$, nisbah juga ialah 1.618," katanya.

BERUBAH MINDA

Dalam perkembangan lain, Abdul Hamid berkata, peserta harus memainkan peranan untuk menghayati dan fahami konsep hijrah yang dibawa oleh Nabi Muhammad di mana Islam berkembang lebih pesat selepas Baginda melakukan perpindahan dari Makkah ke Madinah.

Menurutnya, peserta harus berhijrah daripada aspek minda supaya lebih berjaya dan maju dalam mencapai matlamat serta aktif berdaya saing meski pun berdepan dengan krisis barat yang mengekang Islam.

"Kalau difahami dalam surah Al-Baqarah, ALLAH SWT menghendaki kita memelihara lembu dan mengusahakan ternakan itu sebagai sumber makanan daripada kita membeli daging beku daripada pengimport.

"Demikian juga dengan hujan yang turun dari langit, ia tidak patut di biar mengalir begitu sahaja tetapi hendaklah ditakung dengan membina empangan untuk menampung air bagi kegunaan minuman dan pertanian serta kegunaan tatkala musim kemarau," katanya.



AMRAN



Graf taburan daripada nombor dan jumlah ayat al-Quran membentuk kalimah Allah menggunakan perisian Microsoft Excel.

Headline	Hijrah Muslim menuju kecemerlangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,039

